



LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)

Pejabat FAMA Negeri Pahang
KM 9 Jalan Gambang,
25150 Kuantan,

SIARAN MEDIA

KARNIVAL JUALAN AGRO MADANI NEGERI PAHANG 2026 JADI TUMPUAN, PENGGUNA NIKMATI HARGA BERPATUTAN

KUANTAN, 31 Januari 2026 – Karnival Jualan Agro MADANI Negeri Pahang 2026 yang berlangsung dari 29 Januari sehingga 1 Februari 2026 di tapak letak kereta ,hadapan Kuantan Parade telah mendapat sambutan amat menggalakkan daripada orang ramai, sekali gus membuktikan keberkesanan inisiatif kerajaan dalam membantu meringankan kos sara hidup rakyat melalui akses kepada barangan keperluan pada harga berpatutan.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Pengerusi FAMA, YBrs. Tuan Haji Aminuddin bin Zulkipli. Program ini merupakan kesinambungan kepada inisiatif Jualan Agro MADANI yang telah dilancarkan oleh Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan pada tahun 2023, sebagai penjenamaan semula program Jualan Terus Dari Ladang.

Pencapaian bagi tahun 2025, sebanyak 4,300 Program Jualan Agro Madani 2025 telah berjaya menarik 2.63 juta pengunjung dan memberi manfaat kepada 10.54 juta orang, melibatkan 61,891 usahawan tempatan, dengan nilai jualan melebihi RM84.14 juta serta penjimatan rakyat dianggarkan RM25.18 juta. Pencapaian ini membuktikan keberkesanan dasar berfokus yang memberi manfaat langsung kepada rakyat dan usahawan.

Bagi pencapaian tahun 2026 pula bermula 1 Januari sehinga 25 Januari 2026, FAMA telah melaksanakan sebanyak 250 program, dan telah berjaya menarik seramai 440k orang pengunjung untuk hadir dan memberi manfaat sebanyak 1.76 juta orang dengan melibatkan seramai 5,527 org usahawan tempatan dengan nilai jualan terkumpul sebanyak Rm13.25 juta dengan penjimatan sebanyak Rm1.76 juta.

Sepanjang karnival berlangsung, pengunjung ditawarkan pelbagai produk agromakanan merangkumi barangan segar, produk runcit, produk Industri Makanan Asas Tani (IMAT) serta makanan siap sedia. Antara tarikan utama ialah promosi harga istimewa seperti jualan kombo madani, telur, sayur-sayuran dan buah-buahan tempatan, di samping hidangan popular negeri Pahang yang menjadi tumpuan pengunjung dari pelbagai lapisan masyarakat.

Dalam Majlis Perasmian ini juga, Pengerusi FAMA telah menyerahkan beberapa bantuan dan insentif kepada usahawan FAMA, antaranya adalah Baucar Agrobazaar

Online (RM8,000), Penjenamaan dan Pembaikan Imej Produk (RM100,200.00), Peralatan Sokongan (RM10,000.00), Naik Taraf Agrobazaar Rakyat Temerloh (RM10,000.00) dan Kuantan (RM10,000.00) serta Penambahbaikan Karavan Tani Cameron Highlands (RM50,000.00).

Secara keseluruhan, karnival ini melibatkan sebanyak 127 lot jualan merangkumi gerai Jualan Agro MADANI, gerai IMAT, gerai makanan serta pameran jabatan dan agensi, dengan penyertaan seramai 98 orang usahawan. Program ini disasarkan menarik kehadiran sehingga 25,000 pengunjung dengan anggaran nilai jualan mencecah RM750,000 serta penjimatan kepada pengguna dianggarkan sebanyak RM225,000 sepanjang tempoh penganjuran.

Penganjuran Karnival Jualan Agro Madani Negeri Pahang 2026 secara keseluruhannya dilihat berjaya mencapai objektif yang ditetapkan, bukan sahaja dalam membantu menangani kos sara hidup rakyat, malah memperkuat ekosistem pemasaran produk agromakanan tempatan serta menyokong agenda keterjaminan makanan negara.

#####

Disediakan oleh:

**Cawangan Korporat & Advokasi FAMA Negeri Pahang
Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
31 JANUARI 2026**